



## KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	KOSMO		
TARIKH	:	6/2/2017	MUKA SURAT	: 1
JABATAN	:	NRE / JMG / BAUKSIT		
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>		

# Lombong bauksit ragut nyawa beroperasi secara haram

**3 BUDAK MATI LEMAS DALAM LOMBONG BAUKSIT KUANTAN**



KERATAN *Kosmo!* semalam.

**Pemilik langgar syarat permit, tidak pernah dapat kebenaran keluaran bauksit**

KERAJAAN negeri Pahang mengesahkan bekas lombong bauksit yang meragut nyawa Sasabella Zulhairi, 12, dan adiknya, Mahathir Mohamad, 7, serta rakan mereka, Nureen Ain Juwita Mohd. Sharif, 10, di Taman Sungai Karang Jaya, Kuantan, Pahang kelmarin didapati beroperasi secara haram sejak awal tahun 2015.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Multimedia dan Komunikasi negeri, Datuk Shahaniza Shamsuddin berkata, pemilik tanah tersebut diberikan permit mengeluarkan tanah laterit atau tanah merah di kawasan itu, bukannya permit

melombong bauksit.

Beliau berkata, berikutan itu Pejabat Tanah Daerah Kuantan telah menamatkan permit tersebut pada bulan Mei tahun yang sama kerana perlombongan bauksit secara haram itu mewujudkan kolam takungan air semasa hujan.

“Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Kuantan telah beberapa kali melakukan penguatkuasaan dan penyitaan mesin di kawasan itu dan sekitarnya kerana melanggar syarat permit,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.



PENDUDUK melakukan acara simbolik menimbus bekas lombong bauksit yang mengorbankan tiga kanak-kanak di Taman Sungai Karang Jaya, Kuantan semalam.



NUREEN AIN



SASABELLA



MAHATHIR